

Perkaitan Ekonomi dan PRU



Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) (ketika makalah ini ditulis) menjadi taruhan utama parti-parti politik di Malaysia. Bagi ahli-ahli politik tempatan, PRU-14 ini dikatakan sebagai pilihan raya umum yang paling sengit dalam sejarah. Parti-parti politik tidak kira parti yang memerintah mahupun parti pembangkang sudah bersiap sedia sejak berakhirnya PRU-13. Masing-masing cuba untuk mendapatkan undi sebanyak mungkin daripada para pengundi terutamanya dalam kalangan golongan muda.

Menurut rekod Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), daftar pengundi setakat suku ketiga 2017 adalah seramai 14.8 juta orang, manakala seramai 212 042 pendaftaran pemilih baharu bagi suku keempat 2017. Ini bermaksud, jumlah pengundi yang berdaftar bagi PRU-14 kali ini melebihi 15 juta orang. Pada PRU-13, jumlah pengundi yang berdaftar adalah seramai 13 268 002 orang. Ini bermaksud peningkatan hampir 2 juta pengundi yang berdaftar pada PRU-14 ini.

Pada PRU-13, peratusan yang keluar mengundi ialah 84.8 peratus, maka pada PRU-14 kali ini, SPR menasarkankan jumlah peratusan yang keluar mengundi

sebanyak 85 peratus daripada keseluruhan pengundi yang berdaftar. Lima negeri, iaitu Selangor, Terengganu, Johor, Kelantan dan Pulau Pinang mencatatkan peningkatan pengundi terbaharu yang tertinggi selain dari Wilayah Persekutuan Putrajaya. Tiga dari negeri tersebut diterajui oleh pembangkang, manakala selebihnya dikuasai oleh Barisan Nasional (BN).

PRU-14 kali ini berbeza berbanding PRU-13. Dahulu, sekutu kuat pembangkang, iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS) berada dalam gabungan pembangkang yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR). Kini, PAS berdiri sendiri di bawah Gagasan Sejahtera (GS) bersama-sama dengan Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan). Selepas PAS tidak mahu bersama-sama dengan PR, muncul pula parti serpihan PAS, iaitu Parti Amanah Negara (Amanah) yang ahli-ahlinya masih setia bersama-sama dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Democratic Action Party (DAP). Tidak terkecuali, bagi pihak parti pemerintah, muncul pula parti serpihan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang dikenali sebagai Parti Peribumi Bersatu Malaysia (Peribumi). Parti serpihan ini bergabung bersama-sama dengan PKR,

DAP dan PAN yang dijenamakan semula sebagai Pakatan Harapan (PH).

Di sini, jelas kelihatan parti-parti Melayu berteraskan Islam berpecah belah selepas PRU-13, manakala parti-parti bukan Melayu dan bukan Islam tidak kiralah di bawah BN mahupun PH tetap utuh seperti sebelum PRU-13. Meskipun terdapat parti serpihan lain, misalnya Parti Alternatif Rakyat (PAP) yang ahlinya berasal daripada DAP, namun, secara umumnya, parti bukan Melayu masih memiliki kekuatan seperti PRU-13. Hal ini membayangkan bagaimana parti Melayu berteraskan Islam mampu bertahan untuk mengekalkan kuasa politik mereka di Malaysia.

Namun, dalam politik apa sahaja boleh berlaku. Perhatikan iklim politik Malaysia yang agak panas selepas PRU-13, dua parti utama yang berteraskan Melayu Islam, UMNO dan PAS saling santun-menyantuni satu sama lain. Tidak mustahil, kedua-dua parti ini bekerjasama dalam PRU-14 kelak, iaitu satu berita baik buat majoriti Melayu Islam yang tertanti-nantikan saat ini.


Dalam hal ini, banyak perkara yang berlaku sepanjang lima tahun yang lalu terutamanya melibatkan ekonomi Malaysia. Misalnya, kadar pertukaran ringgit Malaysia (RM) berbanding satu dolar Amerika Syarikat (ASD) mengalami kejatuhan sehingga pada paras 4.49. Hal ini berlaku disebabkan faktor kejatuhan harga minyak yang begitu rendah di pasaran global menyebabkan tekanan terhadap negara-negara yang bergantung pada hasil minyak seperti Malaysia. Faktor ini juga telah menyebabkan kerajaan melaksanakan rasionalisasi subsidi minyak. Pada masa yang sama, kerajaan telah mempelbagaikan ekonomi negara dan tidak lagi bergantung pada hasil minyak, iaitu suatu ketika dahulu hasil kerajaan daripada minyak sekitar 40 peratus



daripada keseluruhan pendapatan kerajaan. Hasil kerajaan daripada sektor minyak kini berada dalam lingkungan 14 peratus jauh lebih rendah berbanding sebelum PRU-13.

Langkah kerajaan mempelbagaikan ekonomi boleh dikatakan telah berjaya, iaitu sektor perkhidmatan kini menjadi tonggak ekonomi Malaysia. Malah, kerajaan juga telah melebarkan asas cukai dengan memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bermula pada 1 April 2015. Hasil kutipan GST pada tahun 2015 dan 2016 adalah sebanyak RM27.1 bilion dan RM41.2 bilion, masing-masing. Seterusnya, kutipan GST daripada 1 Januari 2017 sehingga 30 September 2017 adalah sebanyak RM29.81 bilion. Jumlah kutipan GST ini telah banyak membantu kerajaan menampung kekurangan pendapatan kerajaan ekoran harga minyak yang rendah. Hasil GST juga telah dikembalikan kepada rakyat melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Namun, apa-apa yang telah dan sedang berlaku sebelum PRU-14, isu GST telah digunakan oleh pihak pembangkang untuk meraih undi pengundi. Hal ini jelas kelihatan dalam senarai manifesto PH untuk menghapuskan GST jika memenangi PRU-14. Bagi rakyat



bawahan, penghapusan GST dilihat sesuatu janji yang menarik, namun bagi mereka yang mengetahui implikasi penghapusan GST terhadap hasil kerajaan dan ekonomi Malaysia, tindakan menghapuskan GST perlu dibuat pertimbangan secara menyeluruh dan bijaksana.

Sememangnya, satu lagi isu yang memainkan peranan penting dalam PRU-14, tidak lain tidak bukan isu berkaitan dengan kos sara hidup rakyat. Tiada siapa dapat menafikan bahawa kos sara hidup rakyat semakin meningkat, justeru tidak hairanlah dalam manifesto PH, isu ini dijadikan teras utama. Di pihak kerajaan pula, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara telah ditubuhkan, khusus untuk menangani kos sara hidup rakyat Malaysia. Hal ini cukup penting kerana kos sara hidup yang meningkat menjadi rungutan dalam kalangan rakyat Malaysia beberapa tahun kebelakangan ini.

Melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, enam jawatankuasa kluster melibatkan makanan, perumahan, pendidikan, pengangkutan, utiliti dan kesihatan. Keenam-enam aspek ini amat dekat di hati rakyat Malaysia memandangkan melibatkan kehidupan seharian mereka.

Selain itu, sudah tentulah rakyat mengharapkan agar isu kos sara hidup ini berjaya ditangani secara berkesan dalam tempoh jangka masa panjang. Satu perkara yang cukup menarik, ekonomi Malaysia pada tahun 2017 mencatatkan pertumbuhan 5.9 peratus. Seterusnya, ringgit semakin mengukuh menghampiri kadar 3.80 berbanding setiap satu ASD. Kadar dan peratusan ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia masih kekal utuh dan mapan dalam situasi kos sara hidup yang tinggi dan ekonomi global yang tidak menentu serta sukar dijangka. Oleh itu, sudah tentulah angka-angka ekonomi ini juga berperanan dalam mempengaruhi keputusan PRU-14.

Selain isu nasional melibatkan ekonomi, isu tempatan yang bersifat kenegerian seperti air juga boleh mempengaruhi keputusan pengundi. Meskipun sukar untuk menentukan sejauh manakah besar kesannya dalam hal mempengaruhi pengundi, namun sedikit sebanyak pengundi melihat kesungguhan dan keupayaan parti-parti politik untuk menyelesaikan masalah mereka terutamanya melibatkan keperluan asas. Perkara ini tidak

boleh dikesampingkan ekoran pengundi melihat kecekapan dan keberkesanan parti-parti politik untuk merealisasikan apa jua janji mereka melalui manifesto.

Dari sudut calon pula, ketokohan setiap pemimpin politik yang dicalonkan oleh parti-parti politik dalam PRU-14 ini boleh mempengaruhi keputusan pengundi. Dalam hal ini, tidak boleh dinafikan, pengundi akan melihat faktor kualiti dan kewibawaan calon bagi kawasan parlimen dan dewan undangan negeri tidak kira bagi parti pemerintah mahupun pembangkang. Kualiti dan kewibawaan ini termasuklah dari sudut bersih daripada sebarang isu, sentiasa mendekati rakyat untuk menyelesaikan masalah mereka dan memiliki misi, serta wawasan untuk rakyat.

Pengaruh pemimpin muda juga perlu diutamakan memandangkan generasi muda melihat kepimpinan generasi baharu sebagai teras masyarakat pada masa akan datang. Idea-idea kreatif dan inovatif, serta berwawasan menjadi teras dan mangkin mencorakkan kehidupan rakyat Malaysia pada masa akan datang. Hanya parti-parti politik yang mampu menonjolkan calon terbaik mampu meraih undi dengan lebih banyak. Hal ini membayangkan persaingan sengit dalam kalangan parti-parti politik untuk mencalonkan mereka yang terbaik dalam PRU-14 ini. Calon perlu diterima oleh pengundi dan paling penting diyakini untuk mewakili mereka di parlimen dan dewan undangan negeri.

Dalam hal ini, banyak ramalan telah dibuat yang berasaskan telahan dan kajian persepsi tentang PRU-14. Profesor Dr. Jomo Kwame Sundaram, seorang

pakar ekonomi yang cukup dikenali di Malaysia, menyatakan bahawa kerjasama antara parti politik menjadi tunjang kejayaan mereka. Misalnya, parti-parti pembangkang akan mengalami kekalahan jika berlakunya pertandingan tiga penjuru. Isu persempadanan semula juga dikatakan akan menyebelahi BN, di samping kemelut antara parti pembangkang boleh menyebabkan BN berada dalam kedudukan selesa pada PRU-14. Meskipun begitu, beliau menjangkakan undi BN mungkin akan mengalami penurunan.

Perkara ini turut disokong oleh Majlis Profesor Negara bahawa BN akan menang sekiranya UMNO dan BN dapat memperoleh sekurang-kurangnya 35 peratus undi Melayu. Malah, dapatan kajian yang telah dijalankan oleh majalah *The Economist* dan penyelidik media sosial politik, Politweet menjangkakan BN akan menang pada PRU-14 meskipun akan mengalami persaingan sengit dengan parti-parti pembangkang. Dalam hal ini, tidak kiralah hasil dapatan kajian-kajian tersebut yang lebih memihak kepada BN, namun PRU-14 tetap dijangkakan amat sengit dan sukar dijangka. Hal inilah yang disifatkan oleh perdana menteri merangkap Pengerusi BN, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sendiri bahawa PRU-14 ialah "ibu segala pilihan raya". Oleh itu, semua parti politik yang mengambil bahagian dalam PRU-14 akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sebanyak mungkin undi daripada pengundi, terutamanya pengundi kali pertama dan atas pagar. ¹⁰⁰

**Penulis Penserah Kanan
Pusat Pengajian Perakaunan, Universiti Utara Malaysia.**